

PROGRAM SYOKNYA NGAJI DAPAT SAMBUTAN

Oleh: Mior Ahmad Fikri Bin Mior Ifindi



Salah seorang peserta sedang membuat semakan bacaan bersama tenaga pengajar

NILAI: Program Syoknya Ngaji anjuran Jawatankuasa Siswa/i Kolej Kediaman Acacia Avenue (JAKSA KKAA) yang berlangsung pada 7 dan 14 November 2020 mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Program yang berlangsung selama 2 sesi itu telah diadakan secara dalam talian menerusi aplikasi Microsoft Teams. Selain itu, program ini bertujuan untuk mendorong pelajar bagi bersama-sama memperbaiki kualiti bacaan al-Quran di samping memantapkan asas-asas membaca al-Quran dengan makhraj dan tajwid yang betul.


Konsep program ini dilaksanakan dengan kaedah para peserta membuat semakan bacaan secara individu mengikut giliran yang telah ditetapkan bersama tenaga pengajar Encik Muhammad Nur Fathi Mohd @ Mohamad, Pegawai Pusat Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Program ini juga melibatkan 10 orang ahli jawatankuasa yang terdiri daripada JAKSA Kolej Kediaman Acacia Avenue itu sendiri. Dari segi sasaran peserta, penyertaan hanya dibuka kepada pelajar USIM sahaja.

Di samping itu, sambutan yang menakjubkan dengan penglibatan seramai 38 orang peserta untuk program ini menunjukkan suatu peningkatan yang memberangsangkan. Program Syoknya Ngaji pada kali ini juga mendapat sambutan yang lebih baik berbanding sesi lepas.

Pengarah Program Syoknya Ngaji, Atikah Binti Zulkiffly berkata satu inisiatif dan perkembangan yang baik untuk program ini diadakan lagi pada masa akan datang. Atikah juga berharap agar program ini dibuka penyertaannya kepada masyarakat.

“Alhamdulillah, saya berasa sangat gembira dan berpuas hati kerana banyak ilmu yang telah saya dapati daripada program ini walaupun saya sebagai ahli jawatankuasa program, sukacita juga saya berharap agar program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang sekaligus memperoleh penyertaan yang lebih ramai dari masyarakat luar,” katanya.



Peserta membuat sesi fotografi setelah selesai program

Selain membuat semakan bacaan, para peserta juga diberi peluang untuk bertanyakan soalan berkaitan dengan ilmu tajwid yang kurang difahami oleh mereka. Lebih menarik lagi, terdapat sesi perkongsian daripada Encik Fathi berkaitan dengan tips-tips untuk mengawal pernafasan ketika membuat bacaan di akhir program ini.

Timbalan Pengarah Program Syoknya Ngaji, Noor Syafiza Binti Mohd Rosdi juga berkata, program ini perlu diteruskan pada masa akan datang kerana program ini memberikan banyak manfaat dari segi ilmu tajwid sekaligus dapat meningkatkan mutu bacaan pelajar.

“Saya berharap agar program seperti ini diteruskan dan tidak berhenti setakat ini sahaja. Hal ini kerana program seperti ini banyak memberi ilmu tentang tajwid dan memperbaiki bacaan kita sebagai pelajar. Tidak semua yang pandai dan mampu membaca dengan baik dan tajwid yang betul. Daripada bacaanlah kita dapat tahu kesalahan dan baiki apa yang perlu,” ujarnya.